



## AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 12 BILANGAN 48 RABU 29 NOVEMBER, 1967

1387 رابو 26 شعبان PERCHUMA

# Peranan penulis2 tanah ayer terhadap pembangunan negara—Pengarah DBP

**BANDAR BRUNEI.** — Penulis2 di-seluruh negeri Brunei telah di-seru supaya menggunakan pena mereka dengan menghasilkan karya2 yang boleh membena negara dan masyarakat.

Seruan itu telah di-buat oleh Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Yang Berhormat Dato Seri Laila Jasa Haji Awang Mohammad Jamil ketika berucap mengalu2kan tertubuh-nya Persatuan Penulis2 Pelajar Brunei di-Dewan Madrasah pada hari Isnin lepas.

Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka itu menegaskan bahawa peranan penulis2 adalah tidak kurang penting-nya bagi negara kita yang sedang membangun itu.

### TUJUAN2 SUCI

Beliau menekankan bahawa ada-lah amat bijak pula penulis2 kita menghamparkan hasil karya mereka kepada masyarakat dengan tujuan2 yang suci bagi memandu masyarakat negeri ini ka-arrah kesedaran chintakan negara dan bangsa.

Di-samping itu, Dato Seri Laila Jasa Haji Awang Mo-

hammad Jamil telah menyatakan kegembiraan-nya kerana ujud-nya sa-buah persatuan penulis yang terdiri di-kalangan pelajar2.

Beliau mensifatkan langkah itu sa-bagai satu langkah yang amat baik untuk perkembangan dan kemajuan penulisan di-negeri ini terutama dalam menyebarkan perkembangan Bahasa Melayu yang menjadi Bahasa Rasmi Negara.

### ILMU PENGETAHUAN

Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka itu juga telah menyebutkan tentang usaha2 Dewan Bahasa dalam memperkembangkan Bahasa Melayu dan sa-hingga masa ini dewan itu telah menerbitkan tiga buah majalah yang isi2-nya berkisar kepada lapangan2 ilmu pengetahuan, pendidikan, perkembangan bahasa dan kesusasteraan dan kebudayaan.

Dato Seri Laila Jasa Haji Awang Mohammad Jamil menyeru penulis2 yang chenderong dan mempunyai pengetahuan supaya menghantar hasil2 penulisan mereka itu untuk di-siarkan dalam majalah2 yang di-terbitkan itu.

Pengarah Dewan Bahasa itu juga telah menyebut tentang kemungkinan Dewan Bahasa untuk berusaha bagi menerbitkan sa-buah majalah lagi.

Terdahulu dari itu, Pesuruhjaya Kebajikan, Awang Salleh

bin Haji Masri telah juga memberikan ucapan di-majlis itu yang menumpukan perhatian bagi mengingatkan persatuan itu agar menumpukan pergerakan mereka ka-arah yang mendatangkan kebajikan terhadap bangsa dan negara.

Di-samping itu Awang Salleh juga telah menasihatkan kepada pelajar2 tanah ayer supaya mereka menggunakan pena untuk kepentingan perkembangan kesusasteraan.

Beliau berharap semoga dengan tertubuh-nya persatuan tersebut agar lebih banyak lagi pelajar2 tanah ayer akan mengambil berat dalam hal-ehwal kesusasteraan serta juga di-lapangan kewartawanan.

Lapangan kewartawanan, katanya, masih lagi asing di-kalangan pelajar2, maka itu di-samping la-

pangan2 yang lain pelajar2 haruslah menimbulkan diri mereka di-lapangan kewartawanan ini yang Brunei maseh kekurangan wartawan yang terdiri dari anak2 tempatan.

Beliau juga menasihatkan ahli2 persatuan penulis itu supaya menjauhkan diri mereka dari lapangan politik dan mereka haruslah menumpukan untuk pergerakan persatuan dengan mengujudkan projek2 yang lebih mendatangkan munafa'at terutama bagi kemajuan kesusasteraan.

Majlis perjumpaan itu telah di-pengerusikan oleh Pemangku Yang Di-Pertua Persatuan Penulis2 Pelajar Brunei, Awangku Yusof bin Pengiran Abbas dan telah di-hadiri oleh ramai ahli2 persatuan itu serta pelajar.

## PENDUDOK2 BRUNEI DI-SERU TERIMA TAWARAN BEKERJA

**BANDAR BRUNEI.** — Pesuruhjaya Buroh, Pengiran Bahar bin Pengiran Shahbandar Anak Hashim telah menyeru orang2 Brunei supaya menerima pekerjaan2 yang di-tawarkan oleh pemborong2 dan lain2 majikan buroh supaya dapat mengurangkan pengambilan pekerja2 dari luar.

Pesuruhjaya Buroh itu berkata bahawa kerana adanya rancangan perkembangan sa-chara besar2an yang memerlukan banyak pekerja2 untuk melaksanakan-nya sekarang terdapat banyak pekerjaan2 kosong yang menunggu untuk di-isi.

Pesuruhjaya itu berkata, jabatan-nya sekarang di-gesa oleh pemborong2 dan majikan2 supaya memberi kebenaran untuk mengambil pekerja2 dari luar untuk mengisi jawatan2 kosong itu.

Pesuruhjaya itu memberi amaran jika pekerja2 tempatan tidak tampil untuk mengisi jawatan2kosong itu, beliau tidak dapat tidak terpaksa membebankan majikan2 mengambil orang2 dari luar untuk memenuhi kekosongan itu.

Pengiran Bahar berkata,

pekerja2 yang di-ambil dari luar tidak berhak tinggal di-negeri ini untuk selama2-nya.

Beliau mensifatkan sa-bagai tidak berasas berita2 angin bahawa sa-orang pekerja dari luar menanda tangani perjanjian untuk bekerja dengan harapan untuk menjadi raayat Brunei.

Pesuruhjaya itu berkata, sama ada perjanjian itu bagi tempoh dua atau tiga tahun pekerja dari luar itu di-layan sa-bagai orang baru apabila ia menerima kontrak untuk bekerja lagi di-negeri ini.

Beliau berkata, jabatan-nya ada-lah patuh kepada dasar imigresen Kerajaan dan menyeru orang ramai supaya jangan bimbang tentang orang2 luar akan menjadi warga negara semasa bekerja di-negeri ini.

Pesuruhjaya itu menyeru orang2 Brunei supaya jangan berasa chemas kerana semakin bertambah-nya bilangan pekerja2 dari luar di-negeri ini. Beliau berkata mereka itu di-ambil bekerja untuk projek2 di-bawah rancangan perkembangan.

(Lihat Muka 8)

## NILAI WANG SHILING 5 SEN DAN 10 SEN TETAP TURUN

**BANDAR BRUNEI.** — Wang2 shiling lama yang di-keluarkan oleh Lembaga Surohanjaya Mata Wang Malaya dan Borneo British tetap turun nilainan nya di-Brunei sunggoh pun kerajaan2 Malaysia dan Singapura menerima wang2 shiling lama lima sen dan sepuluh sen itu dengan nilai yang sama dengan wang2 shiling yang baru.

Langkah kerajaan Malaysia dan Singapura menyamakan nilai wang shiling lama lima sen dan sepuluh sen itu dengan wang shiling baru ia-

lah kerana kekurangan wang2 itu untuk sementara waktu.

Pegawai Kewangan Negara, Yang Berhormat Dato John Lee berkata, di-Brunei tidak terdapat kejadian kekurangan wang2 shiling baru. Oleh yang demikian wang2 shiling lama yang di-keluarkan oleh Lembaga Surohanjaya Mata Wang Malaya dan Borneo British itu tetap turun nilai-nya seperti yang telah di-umumkan pada hari Ahad lepas berikutan dengan pengumuman turun-nya nilai mata wang Sterling.

## USAHA KERAJAAN DI-BIDANG PELAJARAN - BANGUNAN2 SEKOLAH RANCHAK DI-BENA

**BANDAR BRUNEI.** — Penolong Menteri Pelajaran, Yang Berhormat Orang Kaya Pekerma Dewa Awang Lukan bin Uking berkata, Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan ada-lah sedar akan tanggung jawab-nya terhadap pelajaran dan telah menguntukkan sa-jumlah besar wang untuk membena sekolah2 dan maktab2 di-negeri ini.

Penolong Menteri itu telah berucap di-satu majlis pembukaan pameran alat2 mengajar di-Dewan Bahasa dan Pustaka, Bandar Brunei pada minggu lalu.

Pameran itu telah di-anjurkan oleh Maktab Perguruan Melayu Brunei dan barang2

yang di-pamerkan itu kebanyakannya alat2 mengajar yang di-buat oleh penuntut2 maktab itu.

Ita-nya bertujuan untuk menegaskan kepada guru2 sama ada yang terlatih atau yang belum berlatih dan penuntut2 serta ibu-bapa2 betapa penting-nya alat mengajar itu.


Pemulong Menteri itu telah memuji pihak berkuasa maktab dan penuntut kerana mengadakan pameran itu dan menggesa guru2 dan penuntut2 di-lain2 maktab dan sekolah2 supaya menggunakan alat mengajar itu.

Beliau menyeru penuntut2 maktab itu yang akhir-nya akan di-tempat kan ka-seko-

lah di-seluruh negeri supaya menyampaikan pengetahuan yang di-pelajaran di-negeri ini.

Awang Lukan berkata, Jabatan Pelajaran ada-lah ditugaskan untuk memajukan pelajaran dan memberi kemudahan2 bagi kanak2 mendapat pelajaran.

Sa-lain dari membena sekolah2 rendah dan menengah yang baru, jabatan itu juga membena sekolah2 pertukangan dan jurusan bagi kanak2 mendapatkan pelajaran dan belia2 negeri ini mendapatkan kemahiran dalam pekerjaan.



### Usaha untuk memajukan pelajaran Melayu supaya setaraf dengan sekolah2 Inggeris

**BANDAR BRUNEI.** — Nazir Kanan Sekolah2 Melayu Seluruh Negeri, Awang Mohamed Daud bin Seruddin berkata, langkah2 telah di-ambil untuk meninggikan taraf pelajaran Melayu.

Beliau telah berucap kepada ibu bapa murid2 di-satu perjumpaan di-Sekolah Melayu Pintu Malim pada hari Rabu lepas.

Awang Mohamed Daud berkata, tujuan-nya ia-lah untuk meninggikan peringkat Pelajaran Melayu setaraf dengan sekolah2 Inggeris di-seluruh negeri.

Beliau berkata, beberapa buah sekolah di-negeri ini telah bernasib baik, jika dibandingkan dengan lain2 sekolah, kerana mempunyai lebih banyak guru, meski pun mereka mempunyai jumlah murid yang sedikit.

Keadaan seperti ini biasanya berlaku di-sekolah2 kecil di-kawasan pedalaman, dimana guru2 di-tugaskan mengajar dalam kelas2 mengandungi hanya 17 orang murid, pukul rata.

Di-sebabkan ramai guru2 yang terpaksa di-hantar mengajar ka-sekolah2 kecil, kata beliau, maka kekurangan guru2 lazim-nya berlaku di-sekolah2 yang lebih besar.

Awang Mohamed Daud berkata, satu lagi sebab kekurangan guru ia-lah kerana bertambah-nya murid2 baharu pada tiap2 tahun.

Guru2 sekolah Melayu mendapat latihan di-dalam negeri, dan ramai dari mereka telah di-hantar ka-seberang laut, kerana mendapatkan latihan2 lanjut dalam jurusan mengajar di-university2 dan maktab2.



Gambar atas menunjukkan Penolong Menteri Pelajaran, Yang Berhormat Orang Kaya Pekerma Dewa Awang Lukan bin Uking sedang memotong pita untuk merasmikan pembukaan pameran alat2 mengajar anjuran Maktab Perguruan Melayu Brunei. Gambar kiri; Sa-bahagian daripada barang2 yang di-pamerkan dalam pameran itu.

### Peratoran lalu-lintas baru di-Seria

**SERIA.** — Satu peratoran mengenai lalu lintas dan tempat penarohan yang di-kaji semula, akan di-sesuaikan di-kawasan membeli-belah pekan Seria, mulai 5 Disember, untuk mengatasi keadaan sempit yang ada sekarang, di-dua persimpangan utama di-pekan itu.

Peratoran2 baru itu, adalah merupakan langkah perhubungan, dan akan terus digunakan selama dua minggu.

Sesuai dengan peratoran2 baru itu, kereta2 tidak akan di-benarkan di-taruh di-tepi jalan, berhadapan dengan kedai2 di-Jalan Bunga Melor, Jalan Bunga Kenanga dan Jalan Bunga Kuning.

Lalu lintas kenderaan yang bergerak, tidak di-benarkan belok ka-kanan masuk ka-Jalan Bunga Melor, apabila hendak masuk kekawasan

membeli belah. Dari Jalan Raja Isteri juga tidak ada jalan belok kanan masuk ka-Jalan Bunga Kuning.

Kereta2 dari Jalan Bunga Melor, hendaklah belok kiri masuk ka-jalan sebelah kiri Jalan Sultan Omar Ali; dari jalan sebelah kiri Jalan Sultan Omar Ali, masuk ka-Jalan Bunga Melor sebelah Barat, dari Jalan Bunga Kuning sebelah Barat masuk ka-jalan sebelah kiri Jalan Sultan Omar Ali, dan dari situ boleh membelok ka - Jalan Bunga Kuning sebelah Timur.

Jawatankuasa-Rendah Lembaga Bandaran Daerah Belait berkata, tanda2 sementara akan di-dirikan, dan anggota polis lalu lintas akan bertugas dalam masa dua minggu perhubungan itu, untuk memberikan nasihat kepada orang ramai, mengenai peratoran2 yang di-perbaiki itu.

**GUNAKAN-LAH BAHASA MELAYU**

# Murid2 di-seru supaya giat di-lapangan bahath supaya faseh beruchap di-Khalayak ramai

**BANDAR BRUNEI.** — Pesuruhjaya Kebajikan, Awang Salleh bin Haji Masri telah menasihatkan murid2 supaya mengambil berat dan meletakkan kechenderongan-nya dalam kegiatan2 sharahan.

Awang Salleh telah beruchap sa-belum merasmikan pembukaan peraduan bahath peringkat akhir sekolah2 Melayu2 seluruh negeri yang telah berlangsung di-Sekolah Melayu SMJA Pusat Ulak pada hari Khamis yang lalu.

Awang Salleh juga menyeru murid2 setempat supaya mengambil bahagian dalam bahath bagi membolehkan mereka memberikan ucapan-nya lebeh faseh kapada umum apabila mereka tamat sekolah nanti.

Dalam peraduan itu sabanyak empat buah sekolah menengah dan empat buah sekolah rendah yang relah berjaya dalam peraduan bahath peringkat daerah telah mengambil bahagian.

Keputusan2 peraduan adalah saperti berikut:—

**SEKOLAH RENDAH — BAHAGIAN LELAKI:** Johan: Sekolah Melayu Dato Gandi; naib johan — Sekolah Melayu Amar Pahlawan.

**SEKOLAH RENDAH — BAHAGIAN PEREMPUAN:** Johan — Sekolah Melayu Mu-

hammad Alam, Seria; naib johan — Sekolah Melayu Batu Marang.

**SEKOLAH MENENGAH — BAHAGIAN LELAKI:** Johan — Sekolah Menengah Melayu Pertama, Bandar Brunei; naib johan Sekolah Melayu Muda Hashim, Tutong.

**SEKOLAH MENENGAH — BAHAGIAN PEREMPUAN:** Johan — Sekolah Melayu Muda Hashim, Tutong; naib johan — Sekolah Melayu SMJA, Bandar Brunei.



Awang Salleh bin Haji Masri.



Gambar atas menunjukkan salah sa-orang dari pasokan yang mengambil bahagian dalam peraduan bahath itu sedang memberikan hujah2-nya.

## Pameran Seni Lukis bagi kawasan Brunei Dua

**BERAKAS.** — Penulong Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Sidek bin Yahya telah membuka dengan rasmi-nya pameran Seni Lukis dan Pertukangan Tangan bagi sekolah2 Melayu dalam kawasan Brunei Dua yang telah di-adakan di-Sekolah Melayu Amar Pahlawan pada hari Juma'at lepas.

Dalam ucapan-nya beliau menyeru kanak2 sekolah Melayu supaya menumpukan lebeh minat dalam seni lukis dan pertukangan.

Sa-banyak 11 buah sekolah dalam kawasan Brunei Dua telah mengambil bahagian.

Sekolah Melayu Sultan Umar Ali Saifuddin, Muara telah memenangi bagi pertunjukkan yang terbaik sekali dengan di-ikuti oleh Sekolah Melayu Amar Pahlawan dan Sekolah Melayu Sungai Hanching.

Ketua Kampong Burong Pinggai Berakas, Awang Mohammad Yusof bin Dato Imam Haji Mokti telah menyampaikan hadiah2.

## Pegawai2 Pos

### kembali dari

### lawatan

### ka-Malaysia

**BANDAR BRUNEI.** — Ketua Pos Agong, Haji Awang Ali Khan telah kembali katanah ayer pada hari Khamis lepas bersama satu rombongan tujuh orang kaki tangan pejabat pos, sa-telah melawat sambil memerhati kerja2 pos di-Singapura, Kuala Lumpur dan Penang.

Haji Awang Ali Khan berkata, rombongan-nya menda-pati lawatan-nya itu menda-tangkan faedah, kerana mereka berpeluang mempelajari lebeh dalam mengenai berbagai jurusan kerja2 pos di-pejabat2 pos besar di-Kuala Lumpur dan Singapura.

Beliau berkata, kaki tangan pejabat pos itu meletakkan perhatian khas ka-atas-kerja2 memeriksa posmen2 dan pemandu pos, kerja2 bahagian penyerahan wang tunai, bank simpanan, mengendalikan surat2 kiriman dan perhidmatan pos melalui perayeran sungai.

Rombongan tersebut terdiri dari Awang Maidin bin Sihin, Awang Yahya bin Hassan, Awang Abu Hasrah bin Samad, Awang Tarif bin Yusoff, Awang Tengah bin Taha, Awang bin Arshad dan Pengiran Ismail bin Pengiran Hitam.

## LAPORKAN KELAHIRAN ATAU KEMATIAN DENGAN SEGARA MEMBERIKAN MAALUMAT PALSU BOLEH DI-KENAKAN DENDA

**BANDAR BRUNEI.** — Pengarah Perkhidmatan Perubatan, Dato Dr. P.I. Franks telah mengingatkan orang ramai tentang hukuman2 kerana gagal melaporkan kelahiran atau kematian.

Beliau menyatakan bahawa sa-saorang yang memberikan maalamat palsu boleh di denda sa-banyak \$500.00 jika di-dapati bersalah atau pun di-hukum penjara sa-lama tidak lebeh dari 12 bulan atau kedua2-nya sekali ia-itu hukuman denda dan penjara.

Dato Franks berkata, berhubung dengan kematian adalah amat mustahak untuk di-laporkan kapada Jabatan Perubatan dengan secepat mungkin dan ia-nya mesti-lah di-laporkan dengan betul.

Dato Franks seterusnya menyatakan bahawa pendafta-

ran yang betul tentang sesuatu kelahiran yang memberikan semua butir2-nya dengan tepat ada-lah amat penting dan mustahak bagi sa-saorang kanak2.

Memandang kapada perkembangan dan kemungkinan2 pelajaran di-negeri ini ada-lah penting bagi surat beranak sa-saorang kanak2 mempunyai butir2 yang tepat dan betul.

Undang2 mensharatkan bahawa sesuatu kelahiran mesti-lah di-laporkan dengan betul dalam masa 14 hari dari tarikh kelahiran itu dan bagi kematian pula hendak-lah di-laporkan dalam masa 12 jam.

Jika sesuatu hal menghalang untuk laporan2 itu di-buat pada waktu-nya, maka pendaftaran mengenai kelahiran boleh di-buat dalam masa 42

hari dan kematian dalam masa tiga hari.

Jika sesuatu kematian berlaku dalam keadaan2 yang luar biasa dan satu penyiasatan terpaksa di-adakan, maka pengadilan mahkamah ada-lah dikehendaki melaporkan pendapat-nya tentang penyiasatan itu kapada pendaftar kelahiran dan kematian dalam tempoh 24 jam.

Dato Franks menggesa orang ramai yang mendapati dirinya bertanggung-jawab kerana membuat laporan sama ada kerana kelahiran atau kematian supaya memberikan kerjasama yang sepenoh-nya kapada pendaftar Kelahiran dan Kematian guna rekod2 kelahiran dan kematian akan dapat di-simpan dengan keadaan butir2-nya yang tepat belaka bagi kepentingan orang ramai.

29 November, 1967

## PERANAN PENULIS

KEGIATAN2 pelajar tanah ayer terhadap perkembangan bahasa dan kesusasteraan dewasa ini sudah nyata membayangkan bahawa mereka juga mempunyai tanggungjawab yang penting dan mereka telah chuba munchulkan diri dengan berusaha menubuhkan persatuan penulis yang terdiri di-kalangan pelajar2 belaka.

Usaha mereka itu haruslah mendapat sanjongan dari penduduk2 negeri ini terutama sekali di-kalangan penulis2 tanah ayer yang sudah terdahulu dari mereka atau pun dengan perkataan yang lain "penulis2 yang sudah matang".

Kemunculan pelajar2 di-lapangan penulisan bukanlah satu perkara yang baharu, malah ia-nya sa-memangnya ada walau di-mana2 pun kerana dari pelajar2-lah muncul-nya beberapa orang penulis yang terkenal dewasa ini baik di-negeri2 Eropah mahu pun di-dunia sa-belah sini.

Maka tidak-lah di-ragukan lagi bahawa kebanyakan penulis2 ada-lah terdiri dari pelajar atau pun bekas pelajar.

Kita juga turut sama mengalu2kan muncul-nya persatuan penulis pelajar itu dan ada-lah menjadi harapan kita juga mudah2an mereka akan lebih aktif di-lapangan penulisan di-samping mengujudkan beberapa projek yang mengembang luaskan kesusasteraan dengan melalui lunas2 yang bertanggungjawab terutama menimbulkan kesedaran ingin maju di-kalangan masyarakat kita.

Peranan penulis terhadap negara dan masyarakat yang ada di-dalam-nya bukan-lah tidak di-pentingkan, malah ia terlalu penting dan pengaruh penulisan ada-lah amat berkesan. Maka tidak shak lagi penulis2 itu mempunyai tanggungjawab bagi pembangunan negara-nya. Sa-tiap penulis pula harus-lah menumpukan perhatian dengan teliti sa-belum hasil karya mereka itu di-sebarkan kepada umum. Dari tulisan2 itu mereka harus-lah meninjau terlebih dahulu akan keburokan dan kebaikan-nya atau pun meneliti akan kemungkinan gejala2 yang kurang baik dari hasil karya mereka itu, baik gejala2 yang kurang baik terhadap masyarakat, apa lagi terhadap bangsa, negara dan agama.

Saperti yang di-ketahui bahawa penulis itu ada-lah mempunyai pandangan2 yang jauh dan mendalam dan dari sini tidak-lah wajar kalau hasil karya mereka itu tidak mempunyai tujuan2 yang tertentu. Penulis mempunyai tujuan dan pendirian yang kukuh dalam menghasilkan karya2 mereka, maka itu amatlah penting sa-tiap penulis itu memusatkan perhatian di-segi tujuan2 menulis ini.

Tidak-lah begitu bijak, kalau penulis2 chuba munch hanya sekadar mahu menulis saja dengan tidak mempunyai perhitungan2 yang terlebih awal.

# BAKAT SENI LUKIS YANG AMAT CHERMERLANG DI-KALANGAN MURID2 RENDAH DAN MENENGAH



Penolong Menteri Pertanian, Yang Berhormat Pengiran Damit bin Pengiran Sunggoh dengan di-iringi oleh Awang Md. Sum bin Hashim, Penyusun Kesenian Sekolah2 Melayu Sa-Negeri Brunei dan Pengiran Tajuddin bin Pengiran Anak Hashim ketika menyaksikan barang2 yang di-pamerkan itu.



Salah satu kerja tangan yang di-bentok sa-olah2 merupakan sa-karangan bunga.

USAHA Jabatan Pelajaran mengadakan pameran lukisan dan kerajinan tangan hasil usaha dari murid2 sekolah rendah dan menengah di-seluruh negeri yang di-adakan di-Sekolah Melayu SMJA, Pusu Ulak pada 26 November, 1967 yang lalu itu ada-lah satu usaha yang tujuannya untuk menggali bakat2 seni yang terpendam di-kalangan murid2.

Dalam pameran itu, beratus2 buah lukisan dan kerja kerajinan tangan yang tersusun rapi dari peringkat murid2 darjah 1 hingga menengah telah dapat menunjukkan bakat mereka yang amat mengagumkan baik dari segi lukisan2 biasa mahu pun yang moden (modern art). Murid2 di-seluruh negeri Brunei mempunyai azam yang amat kuat di-lapangan seni lukis ini sa-hinggakan beberapa orang murid yang baru berumur 6 tahun telah turut menunjukkan bakat mereka walau pun belum bagitu sempurna dan kadang2 amat menggelikan. Bagitu juga lukisan dalam bentuk moden, mereka telah menunjukkan seni yang mempunyai arti yang amat mendalam dan lukisan2 itu di-beri nama2 yang menggetarkan yang di-sesuaikan dengan kemodenan lukisan itu.

Di-lapangan kerja kerajinan tangan pula telah dapat di-pastikan betapa murid2 itu berusaha mencari bahan2 yang oleh sa-tengah2 orang tidak berguna, tapi bagi mereka guna-nya amat besar dan faedah-nya bukan sedikit. Dari usaha ini murid2 yang mempunyai perasaan seni itu tidak memandang sia2 pada benda2 yang mereka lihat, malah mereka berusaha mengolah benda2 itu sa-hingga di-pandang menarik oleh mata ramai.

Pameran itu telah di-rasmikan pembukaannya oleh Yang Berhormat Penolong Menteri Pertanian, Pengiran Damit bin Pengiran Sunggoh yang menasihatkan murid2 itu supaya terus berusaha dengan rajin-nya di-masa2 hadapan sa-hingga menchapai ka-satu peringkat kedewasaan.

Pameran2 yang di-pertunjukkan itu ada-lah mewakili kerja2 kerajinan tangan dan lukisan yang menang dalam pertandingan peringkat daerah baru2 ini.

Keputusan Pameran Seni Lukis dan Pekerjaan Tangan bagi Sekolah2 Rendah dan Menengah Melayu sa-Negeri Brunei 1967, ada-lah saperti berikut:

Pameran Lukisan yang terbaik Bahagian sekolah2 rendah: 1. Sekolah Melayu Bahagian Belait; 2. Sekolah Melayu Bahagian Tutong I; dan 3. Sekolah Melayu Bahagian Temburong.


Pekerjaan tangan: 1. Sekolah Melayu Bahagian Brunei II; 2. Sekolah Melayu Bahagian Tutong I; dan 3. Sekolah Melayu Bahagian Brunei III.

Pameran lukisan yang terbaik Bahagian Sekolah2 Menengah: 1. Sekolah Menengah Ahmad Tajuddin Kuala Belait; 2. Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim Tutong; dan 3. Sekolah Menengah Melayu SMJA, Padang, Bandar Brunei.

Pekerjaan Tangan: 1. Sekolah Menengah Melayu Ahmad Tajuddin Kuala Belait; 2. Sekolah Menengah Melayu SMJA, Padang Bandar Brunei dan 3. Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim Tutong.

Johan dan Naib Johan pameran seni lukis dan pekerjaan tangan sa-negeri Brunei. Bahagian sekolah2 rendah Johan — Sekolah Melayu Bahagian Brunei II; Naib Johan — Sekolah2 Melayu Bahagian Brunei III.

Bahagian Sekolah2 Menengah: Johan — Sekolah Menengah Melayu Ahmad Tajuddin, Kuala Belait, Naib Johan — Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim Tutong.



Ini ia-lah sa-buah lukisan yang di-buat oleh sa-orang murid yang berumur kira2 enam tahun.



Lukisan mouen yang merupakan telapak kaki yang mendapat hadiah pertama dalam bahagian lukisan moden (moden art) ada-lah yang menarik perhatian orang2 yang hadir dalam pameran itu.



Satu lukisan yang telah mendapat hadiah pertama dalam bahagian lukisan pensil.

# Peladang<sup>2</sup> di-tunjokkan chara<sup>2</sup> membena reban yang memakai sistem lapisan habok

JERUDONG. — Pegawai Haiwan, Awang C. V. Subramaniam telah mengadakan per-tunjukan mengenai chara memelihara ayam yang menggunakan sistem lapisan habok atau rumput di-Steshen Pertanian Jerudong kepada 22 orang peladang pada hari Isen yang lalu.

Satu kebaikan dalam ternakan ayam yang menggunakan sistem lapisan habok atau rumput itu ia-lah ayam<sup>2</sup> itu sentiasa di-kurong dalam reban. Ini menjamin bahawa ayam<sup>2</sup> itu tidak terdedah kepada penyakit ayam dari luar.

## BERI PERCHUMA

Sistem ini mengandungi sa-buah reban dengan lapisan habok, tatal, sekam dan rumput kering sa-bagai lantai.

Awang Subramaniam berkata, anak<sup>2</sup> ayam dan makanan ayam perchuma di-bawah ranchangan bantuan ternakan ayam kerajaan akan di-bekalkan kepada peladang<sup>2</sup> dengan syarat yang ia-nya telah membena sa-buah

reban yang menggunakan sistem lapisan habok atau rumput dengan perbelanjaan-nya sendiri dan tempat mengeram menurut ukuran dan bentuk yang di-luluskan.


Terdahulu dari itu anggota2 Persatuan Peladang Kampong Bang Nukat telah melawat Pusat Pertanian Kilanas untuk melihat penggunaan sa-chara praktikal chara<sup>2</sup> pertanian yang moden.

Peladang<sup>2</sup> itu telah menghadiri kursus pertanian sa-lama satu minggu yang di-selenggarakan oleh Jabatan Pertanian di-kampung mereka sendiri.



Gambar atas menunjukkan Awang C. V. Subramaniam kelihatan sedang memberi penerangan kepada peladang<sup>2</sup> bagaimana chara<sup>2</sup> memelihara ayam dengan menggunakan reban yang menggunakan lapisan habok.

Bagi peladang<sup>2</sup> yang mempunyai kewangan yang banyak, maka chontoh reban seperti dalam gambar kiri ada-lah lebih baik. Gambar bawah pula ia-lah menunjukkan chontoh reban yang di-bena sa-chara sederhana. Kedua2 chontoh itu telah di-lihatkan di-Pusat Pertanian Jerudong.



## Balai Pulis yang moden untuk Labi

LABI. — Balai Pulis baru di-Labi sekarang ini telah menjalankan tugas-nya.

Sa-orang juruchakap pulis berkata, kira2 25 orang anggota pulis, termasuk pegawai<sup>2</sup> dan anggota pulis biasa telah pun di-tempatkan di-balai tersebut.

Beliau menasihatkan orang ramai di-Labi, supaya mengambil kesempatan dari perkhidmatan balai pulis itu, yang telah di-bena untuk menjamin keamanan dan keselamatan kawasan tersebut.

## MODEN

Balai itu merupakan yang paling moden di-negeri ini dan telah memakan perbelanjaan sa-banyak \$590,000. Ia-nya akan di-bawah penyeliaan Inspektor Abdul Rahman bin Awang Besar.

Sa-buah balai pulis baru di-Sengkurong, telah pun menjalankan tugas-nya.

Balai baru itu menggantikan yang lama, yang telah di-bena dalam tahun 1929.


Balai lama itu akan di-robuhkan tidak lama lagi.

## Peladang<sup>2</sup> Kampong Melilas lawat Kilanas

KILANAS. — Sa-ramai 42 orang ahli Persatuan Peladang Kampong Melilas telah melawat ka-Pusat Pertanian Kilanas untuk melihat chara<sup>2</sup> pertanian moden di-jalanan.

Lawatan itu ia-lah untuk mengakhiri kursus pertanian sa-lama sa-minggu yang di-selenggarakan oleh Jabatan Pertanian di-kampung mereka.

Mereka juga telah di-bawa ka-Pusat Pertanian Jerudong dan Pusat Pertanian Sharikat Minyak Shell di-Sinaut.



## Brunei akan mempunyai maktab untuk melateh guru2 Ugama

BANDAR BRUNEI. — Brunei tidak lama lagi akan mempunyai maktab-nya sendiri untuk melateh guru2 bagi sekolah Ugama di-negeri ini.

Sa-orang juruchakap Jabatan Hal Ehwal Ugama berkata, pihak Kerajaan telah mempelawa tawaran2 untuk membena Maktab Latehan Guru2 Ugama, yang di-cha-

dangkan di-Jalan Tutong dalam satu kawasan sa-luas 21 ekar.

Ia-nya di-anggarkan menelan belanja kira2 \$5½ juta.

Maktab tersebut akan mendaftarkan 300 orang guru pelateh termasuk 100 orang pe-

rempuan. Mereka akan di-tempatkan di-asrama2 yang berasingan dalam kawasan maktab itu.

Juruchakap itu menambahkan, Jabatan Hal Ehwal Ugama akan terus mengambil guru2 dari seberang laut sehingga keperluan jabatan tersebut dapat di-penuhi sa-lengkap2-nya.

# JAWATAN-JAWATAN KOSONG

## DI-JABATAN PENYIARAN DAN PENERANGAN

Permohonan2 ada-lah di-pe-lawa bagi memenohi jawatan2 kosong di-Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Brunei.

### (a) PENYUNTING

(1 kekosongan)

### KELAYAKAN2 DAN

#### PENGALAMAN:

Lulus Sijil Persekolahan Seberang Laut atau kelulusan yang sa-imbang dengan-nya dengan mendapat kepujian dalam bahasa Inggeris. Keutamaan akan di-beri kepada pemohon2 yang lulus Darjah V Melayu.

Pemohon2 mesti-lah mempunyai pengalaman selama sekurang2-nya tiga tahun sebagai Penolong Penyunting dalam sa-buah akhbar harian Inggeris atau pun mempunyai diploma dalam bidang persurat khabaran dari sekolah yang di-akui dan mempunyai dua tahun pengalaman sa-bagai sa-orang pemberita.

Pengetahuan yang baik da-

lam bidang hal ehwal dunia di-masa ini ada-lah satu kebaikan.

Chalon2 yang berjaya akan di-kehendaki menyunting dan menulis semula laporan untok warta berita.

Dalam sukatan gaji \$660 x 30 — 900 sa-bulan. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

### (b) PENULONG PENYUNTING

(2 kekosongan)

### KELAYAKAN2 DAN

#### PENGALAMAN:

Lulus Sijil Persekolahan Seberang Laut dan Darjah V Melayu. Pemohon2 mesti-lah mempunyai pengalaman selama lima tahun sa-bagai pemberita di-sa-buah akhbar harian Inggeris atau Melayu. Pemohon2 yang mempunyai kelulusan yang rendah tetapi sedang berkhidmat sa-bagai penulung penyunting boleh juga memohon.

Pemohon2 yang berjaya di-kehendaki membantu dalam kerja2 mengeluarkan bahan2 penerbitan Jabatan Penyiaran dan Penerangan.

### GAJI:

Dalam sukatan gaji \$380 x 20 — 620 sa-bulan. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

### (c) PEMBERITA

(2 kekosongan)

### KELAYAKAN2 DAN

#### PENGALAMAN:

Lulus Form III Inggeris atau Darjah VII Melayu. Pemohon2 mesti-lah raayat atau berhak di-daftarkan sa-bagai raayat D.Y.M.M. Al-Sultan dan mempunyai sedikit pengalaman sa-bagai pemberita dalam akhbar Melayu atau Inggeris atau dalam perkhidmatan Jabatan Penyiaran.

Chalon2 yang chendrong dalam bidang persurat khabaran dan mempunyai pengetahuan dalam hal ehwal Tenggara Asia terutama sekali di-gugusan2 Melayu akan juga di-pertimbangkan.

### GAJI:

Dalam sukatan gaji \$380 x 20 — 620 sa-bulan. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

### SHARAT2 LANTEKAN:

Lantekan sechara berkontrek selama 3 tahun termasuk masa perhubungan selama 6 bulan. Pembaharuan kontrek ada-lah dengan persetujuan bersama.

Pemohon2 yang berjaya yang menjadi raayat atau berhak di-daftarkan sa-bagai raayat D.Y.M.M. Al-Sultan akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-lepas menamatkan tempoh perhubungan selama 3 tahun.

### BAKSI:

Bagi chalon yang di-lantek sechara berkontrek baksi sa-banyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksi tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Butir2 mengenai: sharat2 perkhidmatan boleh di perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 12 Disember, 1967.

## Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai dari Rabu 29 November, 1967 hingga ka-hari Selasa 5 Disember, 1967 ada-lah saperti di-bawah ini:—

| Hari    | Bulan | Dzohor | Asar | Magrib | Isha | Imsak | Suboh | Matahari Terbit |
|---------|-------|--------|------|--------|------|-------|-------|-----------------|
| 29 Nov. | 12-13 | 3-32   | 6-10 | 7-25   | 4-39 | 4-54  | 6-12  |                 |
| 30 Nov. | 12-13 | 3-32   | 6-10 | 7-25   | 4-39 | 4-54  | 6-12  |                 |
| 1 Dis.  | 12-15 | 3-34   | 6-12 | 7-26   | 4-41 | 4-56  | 6-14  |                 |
| 2 Dis.  | 12-15 | 3-34   | 6-12 | 7-26   | 4-41 | 4-56  | 6-14  |                 |
| 3 Dis.  | 12-15 | 3-34   | 6-12 | 7-26   | 4-41 | 4-56  | 6-14  |                 |
| 4 Dis.  | 12-15 | 3-34   | 6-12 | 7-26   | 4-41 | 4-56  | 6-14  |                 |
| 5 Dis.  | 12-15 | 3-34   | 6-12 | 7-26   | 4-41 | 4-56  | 6-14  |                 |

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.


## Keputusan tarek tali anjoran KEMUDI

KIUDANG. — Pasokan Kampong Kiudang telah menjadi johan dalam perlakuan akhir tarek tali yang telah di-langsungkan di-padang Sekolah Melayu Kiudang pada hari Sabtu lepas.

Dalam perlakuan bahagian 'A' pasokan Kampong Kiudang telah mengalahkan pasokan Pejabat Pertanian Birau sementara dalam bahagian 'B' pasokan Kampong Kiudang telah mengalahkan pasokan 'KAMUDI'.

Perlakuan tersebut telah di-anjorkan julong2 kali oleh Kesatuan Angkatan Muda Mudi Kiudang, 'KEMUDI' bagi menyambut hari keputeraan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan yang ke-51.

Perlakuan itu telah di-mulakan pada 27 Oktober, yang mana sa-banyak 14 buah pasokan yang terdiri dari persatuan2, kampong2 dan jabatan dalam Daerah Tutong telah mengambil bahagian.



SESUAIKAN PENDAPATAN DENGAN PERBELANJA'AN!

# Tiga orang chalun akan bertanding dalam pilehan raya kechil di-Temburong

**TEMBURONG.** — Sa-orang anggota Barisan Kemerdekaan Ra'ayat dan dua orang chalun bebas akan bertanding dalam pilehan raya kechil kawasan Temburong pada 8 Januari tahun hadapan.

Mereka telah di-namakan sa-bagai chalun apabila penamaan chalun di-tutup bagi pilehan raya kechil kawasan itu sa-hingga 12.00 tengah hari pada 25 November yang lalu.

Chalun Barisan Kemerdekaan Raayat ia-lah Pengiran Dato Seri Paduka Haji Ali bin Pengiran Haji Mohammad Daud, sa-orang ahli Majlis Mashuarat Daerah Brunei dan Muara dan bekas Timbalan Menteri Besar.

Dua orang chalun bebas itu ia-lah Awang Haji Abu Bakar bin Baha, sa-orang ahli Majlis Mashuarat Daerah Temburong dan Awang Abdul Ghani bin Haji Tahim, sa-orang ahli perniagaan.

Kempen bagi pilehan raya kechil itu telah di-buka dengan rasmi-nya pada hari itu juga dan akan di-tutup pada 7 Januari, 1968.

Pengiran Dato Seri Paduka Haji Ali menggunakan tangan menggenggam padi sa-bagai chogan-nya, Awang Haji Abu Bakar — alat talipon dan Awang Abdul Ghani — payong.

Kawasan pilehan raya Tem-



Pengiran Dato Seri Paduka Haji Ali

burong ada-lah yang terbesar sekali di-antara 10 buah kawasan pilehan raya Majlis Mashuarat Negeri dan terdiri dari seluroh Daerah Temburong.

Ia-nya mempunyai 12 tempat membuang undi dengan kira2 sa-ramai 1,000 orang pengundi.

Pilehan raya kechil bagi Daerah Temburong itu diadakan ia-lah bagi menggantikan tempat wakil kawasan tersebut, Yang Berhormat Pengiran Majid bin Pengiran Mohammad Daud yang telah meninggal dunia pada awal bulan ini.

Allahyarham Pengiran Majid telah memenangi kawasan Temburong dalam pilehan raya tahun 1965.

## Majikan2 terpaksa membawa masok buroh2 dari luar negeri

(Dari Muka 1)

Banyak pekerja2 di-kehendaki untuk membena sekolah2, rumah2 sakit, lapangan terbang, pelabohan di-Muara, ranchangan saloran najis dan rangkaian jalan2 raya baru bagi negeri ini.

Pesuruhjaya itu berkata, kebanyakan dari pekerja2 dari luar ada-lah mahir dalam pekerjaan masing2, tetapi ada kala-nya yang tidak mahir dan sa-paroh mahir terpaksa juga di-ambil bekerja kerana raayat Brunei tidak tampil ka-muka untuk memenuhi jawatan2 kosong itu.

Pekerja2 luar kebanyakan-nya datang dari Taiwan, Singapura, Hong Kong dan Malaysia.

Pesuruhjaya itu menambakkata quota kerja ada-lah di-keluarkan kepada majikan2 sa-lepas di-ambil penyiasatan rapi untuk memastikan yang mereka telah gagal untuk mendapat pekerja2 tempatan untuk memenuhi jawatan2 kosong itu.

Keutamaan bekerja ada-lah sentiasa di-berikan kepada pekerja2 tempatan dan jawatan2 kosong sekarang ini di-iklankan dalam akhbar2 tempatan untuk menggalakkan pekerja2 tempatan mendaftarkan diri untuk mendapat pekerjaan melalui Jabatan Buroh.

Sementara itu satu chawangan Jabatan Buroh telah dibuka di-Pekan Tutong.

Sa-orang merinyu buroh telah di-tempatkan di-situ dan pejabat tersebut di-buka pada tiap2 hari Sabtu dan Selasa untuk melayani masa'alah2 buroh di-Daerah Tutong.

Sa-orang merinyu buroh akan di-tempatkan kekal di-Tutong, sa-baik2 sahaja perumahan di-perolehi.

Pengiran Bahar menasihatkan pekerja2 dan majikan2 buroh di-daerah itu supaya membuat perhubungan dengan merinyu buroh tersebut, mengenai masa'alah2 kerja dan buroh.

## MELIHAT ANAK BULAN RAMADHAN

**BANDAR BRUNEI.** — Jabatan Hal-Ehwal Ugama telah mengumumkan bahawa satu rombongan pegawai2 ugama dan pegawai2 dari Jabatan Ukur akan melihat anak bulan pada 1 Disember untuk menentukan awal Ramadan.

han.

Jika anak bulan kelihatan pada petang itu, maka 1 Ramadhan akan jatuh pada 2 Disember, 1968.

Jika tidak maka puasa akan bermula pada 3 Disember, 1968 ia-itu hari Ahad.

### WAKTU BERBUKA PUASA DAN MEMULAKAN PUASA (IMSAK)

| 1387<br>Ramadhan | 1967<br>Disember | (Imsak)<br>Berbuka Puasa | Memulakan Puasa |
|------------------|------------------|--------------------------|-----------------|
| 1- 3             | 3- 5             | 6-12                     | 4-41            |
| 4- 8             | 6-10             | 6-13                     | 4-44            |
| 9-13             | 11-15            | 6-16                     | 4-46            |
| 14-18            | 16-20            | 6-18                     | 4-49            |
| 19-23            | 21-25            | 6-21                     | 4-52            |
| 24-29            | 26-31            | 6-24                     | 4-54            |

### PERINGATAN:

1. Waktu2 tersebut di-pakai di-dalam daerah2 Brunei/ Muara, Tutong dan Temburong.
2. Bagi daerah2 Seria dan Kuala Belait, hendak-lah ditambah 3 minit daripada waktu2 tersebut.

## Anak tempatan yang pertama memandu pesawat helikopter

**BERAKAS.** — Dua orang pegawai Askar Melayu Di-Raja Brunei telah kembali ka-tanah ayer sa-telah berjaya menamatkan kursus memandu pesawat helikopter selama tiga bulan di-Perkhidmatan Udara Executive British di-Oxford.

Mereka ia-lah Lt. Muda Awangku Abidin bin Pengiran Ahmad dan Lt. Muda Awang Jock Lin bin Kong Pau.

Di-satu sidang akhbar di-Khemah Pasokan Askar Melayu Di-Raja di-Berakas, Letnant Muda Awangku Abidin berkata, mereka telah membuat kira2 80 jam penerbangan ketika berlatih di-Oxford.

Pasokan Askar Melayu Di-Raja telah pun memesan sa-buah helikopter rangen dari United Kingdom untuk kegunaan di-Brunei.

Menurut Major H. Marshall, Pegawai yang mengawasi Platoon Helikopter, kedua2 orang pegawai itu akan memandu pesawat tersebut sa-telah memperolehi pengalaman lanjut selama 12 bulan di-Brunei.

Beliau berkata, pesawat helikopter yang berharga kira2 \$300,000 itu boleh membawa lima orang penumpang dan dapat di-gunakan dengan cermat.

## 400 ORANG BUROH DI-KEHENDAKI

**BANDAR BRUNEI.** — Kerja2 mengenai ranchangan saloran najis di-Bandar Brunei akan di-mulakan tidak berapa lama lagi. Sa-buah sharikat Jepun, Mitsui Construction Company, telah di-berikan tender untuk pekerjaan tersebut.

Pesuruhjaya Buroh, Pengiran Bahar bin Pengiran Shahbandar Anak Hashim berkata, tender tersebut yang merupakan salah satu dari tender2 yang terbesar di-berikan di-bawah ranchangan pembangunan akan menggunakan hampir 400 orang pekerja.

Mereka terdiri dari orang2 profesional, ahli2 teknik, tukang2 yang mahir dan sa-paroh mahir serta pekerja2 yang bukan mahir.

Pesuruhjaya Buroh itu telah merayu kepada anak negeri Brunei supaya datang ka-peja-

bat buroh untuk mendapatkan jawatan2 yang kosong itu.

Sa-lain dari jawatan2 profesional dan pegawai2 kerja, sharikat itu menghendaki juga ramai pekerja2 yang bukan mahir, pemandu2 kereta, pekerja2 menanam cherochok atau "pile", mekanik2 dan lain2 lagi yang mudah di-penohi oleh anak negeri Brunei.

Beliau berkata, pemohon2 tempatan yang ingin mendapatkan sa-barang dari jawatan2 tersebut boleh membuat permohonan dalam masa 14 hari dari sekarang.

Sa-lepas waktu tersebut, Pesuruhjaya Buroh itu berkata, beliau akan meluluskan permohonan sharikat tersebut untuk membawa sa-jumlah pekerja2 dagang supaya kerja2 mengenai ranchangan saloran najis itu dapat di-mulakan.